

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 1/2010

BAYARAN ANGGARAN DEPOSIT PENUH BAGI PERMOHONAN PEMBANGUNAN TANAH DI BAWAH SEKSYEN 124(1), 124A DAN 204D KANUN TANAH NEGARA 1965

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan pengenaaan bayaran anggaran deposit penuh bagi permohonan pembangunan tanah di bawah Seksyen 124(1), 124A dan 204D Kanun Tanah Negara 1965.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 5/2010 yang telah bersidang pada 10 Mac 2010 semasa menimbang kertas bilangan 5/485/2010 telah bersetuju untuk mengenakan kadar bayaran deposit penuh bersamaan dengan anggaran jumlah wang keseluruhan yang patut dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi permohonan pembangunan tanah di bawah Seksyen 124(1), 124A dan 204D Kanun Tanah Negara 1965.

3. Semua Pentadbir Tanah hendaklah tidak menerima mana-mana permohonan di bawah Seksyen 124(1), 124A atau 204D Kanun Tanah Negara 1965 melainkan permohonan tersebut disertai dengan bayaran anggaran deposit penuh.

4. Pentadbir-pentadbir Tanah juga hendaklah mengambil tindakan sewajarnya terhadap permohonan lulus yang tamat tempoh borang 7G tanpa bayaran secukupnya sebagaimana peruntukan Seksyen 124(8) Kanun Tanah Negara 1965.

6. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan Pentadbir-pentadbir Tanah hendaklah melaksanakan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 5/2010 sebagaimana yang telah ditetapkan.

.....t.t.....

(DATO' HAJI ISMAIL BIN SAMAH)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN

KELANTAN.

KEPADA:

Yang Amat Berusaha

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Seri Setia Raja Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YBrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL : PTG.KN.44/85 JLD.3 (6)
BERTARIKH : 28 RABIULAKHIR 1431 H
13 APRIL 2010**